

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	PROGRAM TANAM PELBAGAI SPESIS POKOK HUTAN PULIHARA EKOSISTEM
	SUMBER	BH (25 OGOS 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	22 (NASIONAL)

# Program tanam pelbagai spesies pokok hutan pulihara ekosistem

**68 pokok hutan lagi ditanam di Hutan Simpan Kekal Lentang simbolik sambutan kemerdekaan**

Oleh Mohd Rafi Mamat  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Bentong:** Program penanaman pelbagai spesies pokok hutan yang dilaksanakan memaikan peranan penting dalam usaha memulihara ekosistem hutan, selain dapat meningkatkan kapasiti serapan karbon.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata kepentingan berkenaan terbukti berupaya meningkatkan nilai kawasan hutan dan lebih membanggakan jumlah keluasan hutan di negara ini masih lagi luas dan terpelihara dengan pengawasan daripada agensi berkaitan.

"Hari ini (semalam), kita berpeluang menanam sebanyak 68 pokok hutan bagi melengkapkan

3,000 pokok yang ditanam dalam Kompartmen 46, Hutan Simpan Kekal Lentang, di sini. Fasa pertama program dikendalikan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) bermula Disember tahun lalu.

"Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Kempen Penanaman 100 juta pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia, selaras dengan komitmen negara yang digariskan pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992 untuk memastikan keluasan tanah negara diliputi pokok dan kawasan hutan.

"Usaha pemuliharaan berkenaan membolehkan penanaman pelbagai spesies pokok hutan seperti Merbau, Meranti Bukit, Meranti Kepong dan beberapa jenis pokok nadir hutan yang berperanan penting dalam memulihara biodiversiti kawasan yang sebelum ini diceroboh untuk aktiviti pertanian secara haram," katanya pada majlis Penanaman Pokok Rail to Roots: Pemuliharaan Hutan Terdegradasi dan Pembinaan Kapasiti di Hutan Simpan Kekal Lentang, Janda Baik, di sini semalam.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli



Tapak semeaian projek 'Buyback Guarantee' yang dusahakan komuniti Orang Asli di Kampung Ulu Chemproh, Janda Baik, Bentong.  
(Foto Facebook Jabatan Perhutanan Negeri Pahang)

dan Kelestarian Alam, Datuk Dr Ching Thoo dan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Zahari Ibrahim.

Sempena program itu sebanyak 68 pokok hutan ditanam simbolik pada sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-68.

Shamsul Azri berkata, sempena program ini diraikan peserta Orang Asli Temuan Kampung Chemproh, di sini yang memberi komitmen tinggi dalam menajayakan program ini, mereka terbahit dengan aktiviti tapak se-

maian, penanaman pokok hutan dan pemeliharaan hutan di daerah ini. Usaha yang dilakukan mendapat sokongan sepenuhnya daripada JPNP.

**Kerjasama komuniti**  
Katanya, agensi berkaitan selaku koordinator yang menyelenggarakan latihan, logistik dan penyertaan komuniti. Kerjasama erat tiga pihak dibantu komuniti Orang Asli setempat menjadi tunjang kejayaan program berkenaan yang memasuki tahun kedua.

Kejayaan projek ini sudah di-

iktiraf menerusi penganugerahan ESG Positive Impact Awards 2024: Innovative Partnership (Large Companies Category) oleh The Star, penghargaan yang mencerminkan komitmen terhadap kelestarian alam dan tanggungjawab sosial.

Program Rail to Roots adalah komponen utama dalam pelaksanaan Green Track Programme yang memberi penekanan kepada dua teras utama membolehkan pemuliharaan hutan terdegradasi dan pembangunan kapasiti komuniti, khususnya masyarakat Orang Asli Temuan di kawasan terbabit.

"Pihak berkaitan menaja sepenuhnya pembinaan 15 tapak semeaian komuniti Orang Asli di Kampung Ulu Chemproh dengan sokongan latihan dan bimbingan daripada JPNP menerusi inisiatif Buyback Guarantee, anak pokok hutan dihasilkan boleh dibeli semula membuka sumber ekonomi lebih mampan pada golongan terbabit.

"Majlis ini manifestasi kepada usaha berterusan dalam mewujudkan keseimbangan antara pembangunan infrastruktur dan pemeliharaan alam sekitar, pembangunan dan kelestarian boleh bergerak seiring," katanya.

2.	TAJUK	TEKNOLOGI MELOMBONG REE MASIH PERINGKAT UJIAN
	SUMBER	BH (29 OGOS 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	15 (NASIONAL)

## Teknologi melombong REE masih peringkat ujian

**Kuala Lumpur:** Teknologi melombong sumber unsur nadir bumi (REE) negara ini masih di peringkat ujian untuk dilaksanakan pada skala komersial.

Menteri Perladangan dan Komoditi yang memangku portfolio Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata projek perlombongan REE di Kenering, Hulu Perak dijalankan menggunakan kaedah *in-situ leaching* melalui kerjasama teknologi dengan syarikat China.

Secara umumnya beliau berkata, Malaysia masih belum bersedia dengan kepakaran dan teknologi untuk memanfaatkan sepenuhnya REE dan faktor itu memperlambat perkembangan industri berkenaan.

"Walaupun ramai mendakwa mempunyai kepakaran dan teknologi berkaitan, ia masih belum terbukti pada skala komersial," katanya menjawab soalan Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu).

Dr Ku Abd Rahman bertanya mengenai faktor yang menghalang Malaysia daripada mempercepat pembangunan industri REE.

Johari berkata, satu lagi

Walaupun ramai mendakwa mempunyai kepakaran dan teknologi berkaitan, ia masih belum terbukti pada skala komersial

**Johari Abdul Ghani,**  
Menteri Perladangan dan Komoditi yang memangku portfolio Sumber Asli dan Kelestarian Alam



kekangan besar ialah ketiadaan loji pemrosesan yang mampu mengasingkan unsur REE bernilai tinggi daripada sumber tempatan.

"China pada masa ini menguasai rantaian nilai global REE, termasuk pemrosesan dan melaksanakan dasar yang melancarkan eksport teknologi berkaitan



Projek perlombongan REE di Kenering, Hulu Perak.

(Foto ihsan Strategic Corporate Communications MB Inc)

ke luar negara bagi mengekalkan penguasaan ini," katanya.

Bagi menyokong pembangunan loji pemrosesan tempatan, beliau berkata, kerajaan mengenakan moratorium terhadap eksport REE mentah.

"Walaupun langkah ini menjejaskan pertumbuhan industri hulu, kerajaan melihatnya sebagai keputusan strategik

untuk mengelakkan aktiviti perlombongan dan eksport REE mentah, yang boleh memudaratkan negara dalam jangka panjang," katanya.

Johari berkata, satu lagi cabaran ialah kekurangan data terperinci mengenai tempat, kuantiti dan status guna tanah sumber REE.

Beliau berkata, kajian awal

oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia pada 2019 menganggarkan potensi sumber sebanyak 16.1 juta tan, namun masih bersifat andaian dan memerlukan pengesahan lanjut.

"Dasar kerajaan juga menghadkan aktiviti perlombongan di kawasan hutan simpan kekal, kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan perlindungan," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**